

**BAB 3 – KONFLIK DUNIA DAN PENDUDUKAN JEPUN DI NEGARA KITA**

**3.1 Nasionalisme di Negara Kita Sebelum Perang Dunia**

**1 British berperanan penting dalam membangkitkan kesedaran awal nasionalisme di negara kita. Mengapakah British berusaha membendung pengaruh empayar Uthmaniyah di negeri Melayu pada awal abad ke-20?**

- Fatwa Seru** Pada 11 November 1914, empayar Uthmaniyah mengeluarkan fatwa. Menyeru orang Islam yang ditindas oleh penjajah Barat agar bangkit bersama-sama dengan empayar Uthmaniyah.
- Kaum Muda British** Mendapat perhatian penduduk di Tanah Melayu, terutama Kaum Muda melalui akhbar. British berwaspada terhadap sokongan orang Melayu kepada empayar Uthmaniyah yang berperang dalam Perang Dunia Pertama.
- Sokong** Perang yang meletus menarik perhatian pemimpin negeri Melayu untuk menyokong khalifah empayar Uthmaniyah.
- Pelindung Tok Janggut** Dianggap pelindung umat Islam serta penaung bagi tanah suci Mekah dan Madinah. Contoh: kebangkitan Tok Janggut telah dipengaruhi oleh penglibatan empayar Uthmaniyah dalam Perang Dunia Pertama di Eropah.

**2 Bagaimanakah British menangani kebangkitan awal nasionalisme dalam kalangan orang Melayu di negara kita?**

**(i) Pengaruh Idea Gerakan Islam Timur Tengah**

- Bendung** Sejak awal abad ke-20, British berusaha untuk membendung pengaruh idea gerakan Islam dari Timur Tengah.
- Enakmen** British dengan persetujuan Raja-raja Melayu memperkenalkan Enakmen Undang-Undang Islam 1904
- Cetak** Memastikan sesiapa yang mencetak dan mengedarkan tulisan berkaitan dengan agama dan politik Islam tanpa keizinan sultan boleh dikenakan hukuman penjara.
- Penyiasat** British turut memperkenalkan dua badan penyiasat, iaitu Jabatan Siasatan Jenayah (Criminal Intelligence Department) dan Biro Siasatan Politik (Political Intelligence Bureau)
- Kawal** Untuk mengawal gerakan Islamiah.

**(ii) Peranan Akhbar dan Majalah**

- Saluran Sulit** Akhbar dan majalah menjadi saluran penting untuk meniupkan kesedaran kebangsaan. Namun begitu, kesedaran politik perlu dilakukan secara sulit dan tersembunyi.
- Undang-undang Kawalan** Ada undang-undang British yang menghalang orang Melayu menyatakan sikap politik mereka melalui bahan bertulis. Undang-undang mengawal kebebasan bersuara, penerbitan, bersatu persatuan dan kawalan ketat British terhadap kegiatan yang boleh mengancam kedudukan British.
- Tidak meluas** Menyebabkan kesedaran kebangsaan tidak meluas dalam akhbar Melayu sebelum Perang Dunia Kedua.
- Contoh** Contoh - Undang-undang British berkaitan dengan penerbitan ialah Publishing and Book Enactment 1915 dan The Seditious Publication (Prohibition) Enactment 1919.

**3 Sekiranya anda seorang penulis akhbar pada ketika itu, apakah isu yang ingin anda tulis untuk membangkitkan kesedaran nasionalisme? Kemukakan alasan anda.**

- Tindas** Penindasan penjajah
- Mundur** Kemunduran penduduk tempatan
- Pendidikan** Kepentingan pendidikan
- Pilih kasih** Dasar pilih kasih British dalam ekonomi
- Kemudahan** Dasar pilih kasih dalam menyediakan kemudahan pendidikan
- Pentadbiran** Dasar pilih kasih British dalam bidang pentadbiran
- Perpaduan** Kepentingan perpaduan rakyat
- Pemimpin** Tanggungjawab pemimpin menjaga negara dan rakyat

**4 Kebangkitan Pan-Islamisme di empayar Uthmaniyah menyedarkan umat Islam untuk bersatu menentang ancaman luar.**

**Apakah yang dilakukan oleh empayar Uthmaniyah?**

<b>Fatwa</b>	1914, empayar Uthmaniyah mengeluarkan fatwa.
<b>Seru</b>	Menyeru orang Islam yang ditindas oleh penjajah Barat agar bangkit bersama-sama dengan empayar Uthmaniyah.
<b>Pan-Islamisme</b>	Kebangkitan Islam pada peringkat antarabangsa melalui gerakan Pan-Islamisme.
<b>Kaum Muda</b>	Perkembangan ini mendapat perhatian penduduk di Tanah Melayu, terutama Kaum Muda melalui akhbar.
<b>Tok Janggut</b>	Kesannya, muncul gerakan penentangan bercorak tempatan – contoh: Tok Janggut.

**5 Sejauh manakah empayar Uthmaniyah berjaya mempengaruhi kesedaran awal nasionalisme di negeri Melayu?**

<b>British</b>	British berwaspada terhadap sokongan orang Melayu kepada empayar Uthmaniyah yang berperang dalam Perang Dunia Pertama.
<b>Sokong</b>	Perang yang meletus menarik perhatian pemimpin negeri Melayu untuk menyokong khalifah empayar Uthmaniyah.
<b>Pelindung Waspada</b>	Dianggap pelindung umat Islam serta penaung bagi tanah suci Mekah dan Madinah. Kebangkitan Islam pada peringkat antarabangsa telah menyebabkan British berwaspada terhadap gerakan Pan-Islamisme.
<b>Tok Janggut Pasir Puteh</b>	Penentangan Tok Janggut merupakan hasil daripada kesedaran politik antarabangsa yang menggerakkan penentangan bercorak tempatan. Gerakan ini melibatkan penduduk di Pasir Puteh, Kelantan.
<b>Isu Pergolakan Bangkit</b>	Isu penentangan adalah untuk mempertahankan agama Islam dan hak penduduk tempatan. Penentangan ini berlaku di tengah-tengah kancah pergolakan politik yang berlaku di Eropah. Penentangan Tok Janggut merupakan rentetan daripada cetusan kebangkitan masyarakat Islam sedunia terhadap penjajah Barat yang menakluki negara Islam.
<b>Pengaruh</b>	Kebangkitan Tok Janggut telah dipengaruhi oleh penglibatan empayar Uthmaniyah dalam Perang Dunia Pertama di Eropah.
<b>Cukai</b>	Penentangan yang memperjuangkan agama ini kemudiannya dikaitkan dengan isu cukai yang dikenakan serta membenci British.

**6 Generasi muda hari ini mampu mempertahankan kedaulatan negara. Beri cadangan anda.**

<b>Ilmu</b>	Menguasai ilmu pengetahuan – kuasai segala bidang kemahiran – mempunyai kerjaya yang baik
<b>Agama</b>	Mematuhi ajaran agama / nilai-nilai murni
<b>Budaya</b>	Mengamalkan budaya bangsa – sentiasa mengenal identiti bangsa
<b>Perpaduan</b>	Memperkasa perpaduan kaum
<b>Jati diri</b>	Memelihara jati diri
<b>Gaya hidup</b>	Mengamalkan gaya hidup sihat – menghindari budaya negatif
<b>Iktibar</b>	Menghayati perjuangan tokoh-tokoh silam – mengambil iktibar daripada sejarah
<b>Warisan</b>	Menghargai warisan bangsa
<b>Kerajaan</b>	Menyokong dasar-dasar kerajaan
<b>Junjung</b>	Menjunjung perlembagaan negara

**7 British menggubal undang-undang bagi tujuan kawalan terhadap akhbar dalam usaha mengekang kebangkitan kesedaran awal nasionalisme di negara kita.**

**Apakah strategi akhbar untuk mengatasi kawalan undang-undang British tersebut?**

<b>Saluran</b>	Akhbar dan majalah menjadi saluran penting untuk meniupkan kesedaran kebangsaan.
<b>Tidak boleh</b>	Namun begitu, kesedaran politik tidak boleh dilakukan secara terang-terangan.
<b>Undang-undang</b>	Hal ini disebabkan oleh adanya undang-undang British yang menghalang orang Melayu menyatakan sikap politik mereka melalui bahan bertulis.
<b>Selindung</b>	Pernyataan politik kemerdekaan disampaikan secara berselindung.

- 8 ‘Cerita Tekukur’ yang tersiar dalam akhbar Melayu seperti *Utusan Melayu*, *Lembaga Melayu*, *Lidah Teruna* dan *Pengasoh* pada tahun 1920 merupakan pernyataan politik kemerdekaan. Bagaimanakah akhbar-akhbar ini menyuarakan perjuangannya?
- Selindung** Pernyataan politik kemerdekaan disampaikan secara berselindung di sebalik wajah dan pelaku haiwan.
- Undang-undang** Disebabkan oleh adanya undang-undang pemerintah yang mengongkong penerbitan akhbar.
- Rujukan** Terdapat rujukan jelas kepada "Tekukur nombor 1874" dan "Tekukur nombor 1909". iaitu tarikh penting negeri Melayu dikuasai oleh British.
- Tangis** Tekukur menangisi nasibnya yang bebas dalam negeri merdeka, kini terkurung dalam "sangkar emas" yang kehilangan kemerdekaan.
- 9 Pada pendapat anda, apakah yang menjadi asas kekuatan perjuangan nasionalisme di negara kita? Kemukakan hujah anda.
- Semangat** Bersemangat kental – kesungguhan dan kegigihan – keberanian rakyat
- Muafakat** Permuafakatan dalam perjuangan – perpaduan rakyat – bersemangat kekitaan
- Strategi** Menggunakan pelbagai strategi dalam perjuangan
- Setia** Setia kepada negara – setia kepada pemimpin
- Wibawa** Kepimpinan berwibawa – pengorbanan yang tinggi – pemimpin bijaksana

### 3.2 Latar Belakang Perang Dunia

- 1 Perang Dunia Pertama berlaku dalam kalangan negara di Eropah untuk mempertahankan kepentingan masing-masing.  
Siapakah yang terlibat dalam Perang Dunia Pertama?
- (i) Kuasa Tengah
- Jerman** Jerman dan Austria-Hungary
- Disertai** Pakatan ini kemudian disertai oleh Bulgaria dan empayar Uthmaniyah.
- (ii) Pakatan Bertiga
- Britain** Britain, Perancis dan Rusia
- Sokongan** Pakatan ini disokong oleh Serbia, Itali, Romania, Portugal dan Greece.
- 2 Jelaskan faktor-faktor berlakunya Perang Dunia Pertama.
- (i) Persaingan Kuasa Imperialis
- Revolusi** Perkembangan Revolusi Industri menyebabkan berlaku persaingan dalam kalangan kuasa imperialis di Eropah.
- Bersaing** Mereka bersaing untuk mendapatkan tanah jajahan bagi memperoleh bahan mentah seperti arang batu, petroleum dan bijih timah.
- Pasaran** Tanah jajahan juga dijadikan kawasan untuk memasarkan hasil industri.
- Musuh** Persaingan tersebut membawa permusuhan antara kuasa imperialis di Eropah seperti Perancis dan Jerman.
- (ii) Pakatan Ketenteraan
- Pakatan** Permusuhan antara kuasa Eropah membawa pembentukan pakatan ketenteraan seperti pakatan Kuasa Tengah dan Pakatan Bertiga.
- Tidak stabil** Kewujudan pakatan ketenteraan menyebabkan ketidakstabilan politik berterusan di Eropah.
- Senjata** Negara dalam pakatan turut bersaing menghasilkan senjata moden.
- Perang** Sedia berperang bagi mempertahankan kepentingan masing-masing.
- (iii) Krisis Rantau Balkan
- Musuh** Krisis di rantau Balkan berlaku akibat permusuhan Austria-Hungary dengan Serbia.
- Tuduh** Austria-Hungary menuduh Serbia menghasut rakyat Austria berketurunan Serb.
- Bebas** Supaya berjuang membebaskan diri daripada pemerintahan Austria-Hungary.
- Bunuh** Kemuncak krisis Balkan ialah pembunuhan Archduke Ferdinand, Putera Mahkota Austria-Hungary dan isterinya Sophie oleh seorang pemuda Serbia.
- Sebab** Peristiwa tersebut menjadi sebab Eropah terjerumus dalam kancah Perang Dunia Pertama.

**3 Wajarkah negara kita menyertai pakatan ketenteraan?**

**Kemukakan alasan anda.**

**(i) Wajar**

<b>Satu</b>	Bersatu mempertahankan kedaulatan negara
<b>Jamin</b>	Menjamin keselamatan negara
<b>Kukuh</b>	Mengukuhkan pertahanan negara
<b>Bantu</b>	Mendapat bantuan ketenteraan jika negara diancam
<b>Teknologi</b>	Teknologi senjata perang moden
<b>Kuasa</b>	Negara di bawah kuasa ketenteraan

**(ii) Tidak wajar**

<b>Tidak stabil</b>	Menyebabkan ketidakstabilan politik
<b>Saing</b>	Persaingan mendapatkan tanah jajahan
<b>Senjata</b>	Bersaing menghasilkan senjata moden
<b>Perang</b>	Mewujudkan perang dunia
<b>Huru-hara</b>	Keadaan dunia huru-hara
<b>Tidak selamat</b>	Dunia tidak selamat untuk didiami

**4 Persaingan kuasa imperialis untuk mempertahankan kepentingan masing-masing telah mencetuskan Perang Dunia Pertama (1914 – 1918)**

**Bagaimanakah berakhirnya Perang Dunia Pertama?**

<b>Amerika Syarikat</b>	Penglibatan Amerika Syarikat dalam perang membawa kejayaan kepada Pakatan Bertiga pada tahun 1918.
<b>Paksa</b>	Jerman kemudiannya dipaksa menandatangani gencatan senjata.
<b>Perjanjian</b>	Beberapa siri persidangan dan perjanjian damai diadakan selepas tamat perang – Persidangan Damai Paris dan Perjanjian Versailles.
<b>Iktiraf</b>	Amerika Syarikat diiktiraf sebagai kuasa besar dunia selepas Perang Dunia Pertama.

**5 Jelaskan persidangan damai yang membawa kepada berakhirnya Perang Dunia Pertama.**

**(i) Persidangan Damai Paris (18 Januari 1919)**

<b>Syarat</b>	Membincangkan syarat perdamaian selepas perang.
<b>Jerman</b>	Tujuan memastikan Jerman tidak lagi menjadi ancaman kepada keamanan di Eropah.
<b>Deklarasi</b>	Melahirkan Deklarasi 14 Perkara Woodrow Wilson
<b>Cadang</b>	Cadangan Presiden Amerika Syarikat sebagai asas perdamaian.
<b>Prinsip</b>	Merangkumi dua prinsip utama, iaitu penentuan nasib negara oleh rakyat sendiri dan sempadan negara berasaskan bangsa.

**(ii) Perjanjian Versailles (28 Jun 1919)**

<b>Pakatan</b>	Perjanjian Versailles ditandatangani antara Pakatan Bertiga dengan Jerman pada 28 Jun 1919.
<b>Jerman</b>	Jerman dikehendaki bertanggungjawab terhadap kemusnahan akibat perang.
<b>Bayar</b>	Membayar pampasan kepada Pakatan Bertiga.
<b>Had</b>	Mengehadkan saiz angkatan tentera.
<b>Serah</b>	Menyerahkan wilayah dan tanah jajahan kepada Pakatan Bertiga.
<b>Liga</b>	Penubuhan Liga Bangsa-Bangsa untuk menggalakkan keamanan dan kerjasama antarabangsa.

**6 Peperangan antara negara-negara di dunia mampu dielakkan.**

**Cadangkan penyelesaian bagi masalah di atas.**

<b>Sedar</b>	Menyedari peperangan membawa kehancuran – menolak keganasan – perang membawa kematian – kebuluran – hancurkan tamadun bangsa
<b>Hak</b>	Menghormati hak kebebasan manusia
<b>Aman</b>	Menanamkan kesedaran pentingnya keamanan
<b>Runding</b>	Menyelesaikan masalah melalui perundingan
<b>Hormat</b>	Menghormati kedaulatan negara lain
<b>Hubungan</b>	Menjalinkan hubungan baik dengan semua negara - memupuk semangat saling menghormati antara negara – saling membantu jika diperlukan
<b>Kerjasama</b>	Kukuhkan kerjasama pelbagai bidang antara negara – politik, ekonomi dan sosial

**7 Penglibatan Amerika Syarikat dalam Perang Dunia Pertama membawa kejayaan kepada Pakatan Bertiga pada tahun 1918. Jerman dikenakan tindakan seperti yang terkandung dalam Perjanjian Versailles 1919.**

**Apakah tindakan tersebut?**

<b>Tanggung jawab</b>	Bertanggungjawab terhadap kemusnahan akibat perang.
<b>Bayar</b>	Membayar pampasan kepada Pakatan Bertiga.
<b>Had</b>	Mengehadkan saiz angkatan tentera.
<b>Serah</b>	Menyerahkan wilayah dan tanah jajahan kepada Pakatan Bertiga.

**8 Jelaskan kesan-kesan Perang Dunia Pertama.**

**(i) Keruntuhan pemerintahan beraja**

<b>Tamat</b>	Menamatkan sistem pemerintahan beraja di Jerman, Austria-Hungary, Rusia dan empayar Uthmaniyah.
<b>Republik</b>	Kerajaan Republik Jerman didirikan apabila Kaiser Wilhem II terpaksa turun takhta dan mendapatkan perlindungan politik di Belanda.
<b>Akhir</b>	Empayar Austria-Hungary di bawah pemerintahan Dinasti Habsburg berakhir apabila timbul pemberontakan di wilayah yang dikuasainya.
<b>Tumbang</b>	Revolusi yang tercetus di Rusia menumbangkan pemerintahan beraja Tsar Nicholas II dan kerajaan komunis pertama di dunia terbentuk di bawah pimpinan Vladimir Lenin.
<b>Guling</b>	Khalifah empayar Uthmaniyah, Sultan Mehmed VI digulingkan.
<b>Muncul</b>	Kerajaan Turki bercorak republik diketuai oleh Mustafa Kemal Ataturk.

**(ii) Kemunculan negara baharu**

<b>Runtuh</b>	Keruntuhan empayar Austria-Hungary melahirkan negara baharu seperti Austria, Hungary, Czechoslovakia dan Yugoslavia.
<b>Pecah</b>	Perpecahan empayar Rusia membawa kepada penubuhan negara baharu seperti Poland, Estonia, Latvia dan Lithuania.
<b>Baharu</b>	Perpecahan empayar Uthmaniyah menyebabkan muncul negara baharu seperti Lebanon, Syria dan Iraq.

**(iii) Kesan terhadap negara kita**

<b>Raja</b>	Raja-raja Melayu diminta menandatangani perisytiharan perang yang menyokong dan memberikan taat setia kepada kerajaan British.
<b>Sekat</b>	Bagi menyekat kebangkitan orang Melayu,
<b>Undang-undang</b>	Pelbagai undang-undang yang berkaitan dengan perang diluluskan oleh pentadbiran British.
<b>Kuasa</b>	Memperuntukkan kuasa Pesuruhjaya Tinggi British untuk meletakkan negeri Melayu di bawah undang-undang tentera jika keadaan memerlukan.
<b>Manipulasi</b>	Kemakmuran ekonomi negeri Melayu juga dimanipulasi oleh British.
<b>Biaya</b>	Wang hasil bijih timah dan getah digunakan untuk membiayai operasi British dalam Perang Dunia Pertama.

**9 Pada pandangan anda, apakah kesan buruk peperangan kepada negara dan rakyat yang terlibat? Beri hujah anda.**

<b>Mati</b>	Rakyat di sesebuah negara yang berperang akan diancam kematian - peperangan menyebabkan banyak nyawa orang awam terkorban baik yang dewasa, kanak-kanak, mahupun warga tua - ramai juga akan mengalami kecacatan akibat kecederaan semasa perang - banyak juga yang mati akibat penyakit yang begitu mudah merebak semasa peperangan berlaku.
<b>Musnah</b>	Kemusnahan besar harta benda persendirian dan awam - rosak - runtuh - terbakar - kerugian mencecah angka berbilion dolar Amerika.
<b>Masalah sosial</b>	Peningkatan pelbagai masalah sosial - gejala depresi/ tekanan perasaan / traumatism meningkat- terutama dalam kalangan kanak-kanak - menjejaskan pembangunan sumber manusia pada masa depan - masalah lain peningkatan jenayah - contoh: rogol, curi - rakyat sentiasa berada dalam ketakutan - banyak kegiatan harian akan terjejas.
<b>Pendidikan terancam</b>	Pembangunan sektor pendidikan terancam - kadar keciciran akan meningkat kerana sekolah terpaksa ditutup - pendidikan tinggi terganggu - universiti ditutup - paling terjejas golongan kanak-kanak jika perang berpanjangan - kerana prasarana pendidikan tidak dapat disediakan.
<b>Ekonomi</b>	Menjejaskan banyak sektor ekonomi - perindustrian - pertanian - pelancongan - perkhidmatan

<b>Krisis Makanan</b>	- perdagangan - menimbulkan krisis ekonomi seperti inflasi dan pengangguran. Krisis makanan dan kesihatan akan dialami oleh rakyat negara yang terlibat - kurang bahan makanan dan bekalan ubat-ubatan - kebuluran dan penularan penyakit berlaku - taraf kesihatan merosot - ramai dapat penyakit akibat kurang zat
-----------------------	---

### 3.3 Perang Dunia kedua

#### 1 Perang Dunia Kedua (1939-1945) berlaku di dua medan pertempuran, iaitu di Eropah dan Asia Pasifik.

Siapakah yang terlibat dalam Perang Dunia Kedua?

(i) Kuasa Paksi

Jerman  
Itali  
Jepun

(ii) Kuasa Bersekutu

Britain  
Amerika Syarikat  
Perancis  
Rusia

#### 2 Jelaskan faktor-faktor yang membawa kepada teretusnya Perang Dunia kedua di Eropah.

(i) Kemunculan ideologi baharu

**Politik radikal** Bagi mengatasi masalah yang wujud akibat kemelesetan ekonomi, penduduk Itali dan Jerman mengadakan gerakan politik radikal.

**Fasisme** Gerakan ini dipimpin oleh pemimpin nasionalis berfahaman melampau, iaitu fasisme di Itali dan nazisme di Jerman.

(ii) Ketidakpuasan hati terhadap Perjanjian Versailles

**Tidak adil** Jerman sebagai negara yang kalah dalam Perang Dunia Pertama menganggap Perjanjian Versailles tidak adil.

**Jejas** Menjejaskan kedaulatan negaranya.

**Hilang** Selain kehilangan tanah jajahan, pampasan perang yang tinggi dan perlu dibayar menyebabkan Jerman mengalami kemelesetan ekonomi dan inflasi yang teruk.

**Itali** Itali sebagai negara yang menyertai Pakatan Bertiga dalam Perang Dunia Pertama juga tidak berpuas hati terhadap Perjanjian Versailles.

**Tidak puas hati** Itali tidak berpuas hati kerana tidak diberikan tanah jajahan baharu seperti yang diperoleh Perancis dan Poland.

(iii) Kegagalan Liga Bangsa-Bangsa

**Peranan** Liga Bangsa-Bangsa berperanan untuk memastikan keamanan dunia dan mewujudkan kerjasama antarabangsa.

**Gagal** Namun begitu, kegagalan Liga Bangsa-Bangsa dalam usaha menguatkuasakan perjanjian pelucutan senjata dan menangani krisis pencerobohan yang berlaku selepas Perang Dunia Pertama.

**Konflik dunia** Menyebabkan dunia terdedah kepada konflik berterusan dan mengakibatkan meletusnya Perang Dunia Kedua.

#### 3 Konflik bersenjata antara negara-negara di dunia boleh diselesaikan dengan cara baik.

Berikan cadangan anda.

**PBB** Merujuk kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

**Diplomasi** Menangani segala konflik secara diplomasi

**Hormat** Menghormati kedaulatan negara lain

**Berkecuali** Mengamalkan sikap berkecuali setiap masa

**Sertai** Menyertai pertubuhan antarabangsa.

**Kerjasama** Mewujudkan kerjasama sosial dan ekonomi.

**Diplomatik** Mengukuhkan hubungan diplomatik antara negara

**Program** Mengadakan program untuk mengukuhkan hubungan antara negara

**Sukan** Melalui aktiviti sukan dan kebudayaan

**4 Perang Dunia Kedua teretus akibat kemunculan ideologi baharu, iaitu fasisme dan nazisme. Apakah yang anda faham tentang ideologi tersebut?**

**(i) Fasisme**

- Itali** Gerakan fasisme di bawah pimpinan Benito Mussolini dan parti Fasis berjaya menguasai kerajaan Itali pada tahun 1922.
- Negara** Fasisme memberikan keutamaan kepada kepentingan negara melebihi kepentingan individu.
- Percaya** Percaya kepada nasionalisme melampau termasuk berperang bagi meningkatkan imej negara.
- Luas** Bagi memulihkan semula imejnya, Itali meluaskan tanah jajahan dengan menguasai Habsyah (Ethiopia) dan Albania.

**(ii) Nazisme**

- Jerman** Gerakan nazisme di bawah pimpinan Adolf Hitler dan parti Nazi berjaya membentuk kerajaan di Jerman pada tahun 1933.
- Agung** Nazisme rnengagungkan bangsa Jerman.
- Hitler** Hitler berusaha untuk memulihkan nasionalisme Jerman dengan mengetepikan Perjanjian Versailles.
- Bina** Hitler membina angkatan tentera semula.
- Duduki** Seterusnya menduduki Rhineland semula, wilayahnya yang hilang melalui Perjanjian Versailles.

**5 Perang Dunia Kedua teretus kerana isu dalam Perang Dunia Pertama gagal diselesaikan terutama isu Perjanjian Versailles, 1919.**

**Mengapakah Jerman dan Itali tidak berpuashati?**

**(i) Jerman**

- Tidak adil** Menganggap Perjanjian Versailles tidak adil dan menjejaskan kedaulatan negaranya.
- Hilang** Jerman banyak kehilangan tanah jajahan, pampasan perang yang tinggi dan perlu dibayar.
- Inflasi** Kesannya Jerman hadapi kemelesetan ekonomi dan inflasi yang teruk.

**(ii) Itali**

- Tanah** Itali tidak diberikan tanah jajahan baharu seperti yang diperoleh Perancis dan Poland.
- Pakatan** Hal ini kerana Itali juga menyertai Pakatan Bertiga seperti Perancis dan Poland.

**6 Cadangkan usaha-usaha yang dapat dilakukan bagi mewujudkan keamanan sejagat. Kemukakan alasan anda.**

- Runding** Menyelesaikan konflik melalui perundingan – mengutamakan keamanan
- Patuh** Mematuhi prinsip resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) – memupuk kesejahteraan dunia
- Elak** Mengelak daripada berlaku konflik dengan negara lain – melindungi dan menghormati hak asasi manusia
- Berkecuali** Mengamalkan dasar berkecuali – tidak menggalakkan keganasan
- Sertai** Menyertai pertubuhan serantau dan antarabangsa – mengamalkan dasar terbaik-baik dengan antara negara

**7 Liga Bangsa-Bangsa merupakan sebuah perbadanan antarabangsa yang ditubuhkan selepas Persidangan Damai Paris 1919.**

**Apakah peranan Liga Bangsa-Bangsa?**

- Gencatan** Mengadakan gencatan senjata
- Elak** Mengelak peperangan melalui keselamatan kolektif
- Rundingan** Menyelesaikan perselisihan antara negara-negara melalui perundingan dan diplomasi
- Taraf hidup** Meningkatkan taraf hidup di seluruh dunia
- Aman** Menjamin keamanan dunia

- 8 **Apakah bentuk cabaran yang perlu dihadapi Liga Bangsa-Bangsa selepas Perang Dunia Pertama?**  
**Krisis Manchuria (1931-1933)** Jepun menakluk Manchuria iaitu wilayah di bawah penguasaan China.  
**Perjanjian Pelucutan Senjata (1932-1934)** Jerman keluar daripada Liga Bangsa-Bangsa dan memperbesar angkatan tenteranya secara terbuka.  
**Krisis Habsyah (1935-1936)** Itali menyerang Habsyah di Afrika.

9 **Apakah iktibar yang boleh diperoleh daripada peristiwa peperangan di dunia?**

**Kemukakan hujah anda.**

- Sedar** Menanamkan kesedaran pentingnya keamanan – elakkan peperangan  
**Hancur** Peperangan membawa kehancuran – kematian – kebuluran – menghancurkan tamadun bangsa – kehidupan rakyat terjejas  
**Rundingan** Masalah perlu diselesaikan melalui perundingan  
**Baik** Menjalin hubungan baik dengan semua negara – memupuk semangat saling menghormati

10 **Perang Dunia Kedua di Eropah meletus apabila Jerman menyerang Poland pada tahun 1939 yang menyebabkan Britain dibantu Perancis mengisytiharkan perang terhadap Jerman.**

**Apakah strategi Jerman dalam usahanya menguasai Eropah?**

**(i) Blitzkrieg**

- Serangan kilat** Strategi serangan kilat bagi menakluki negara di Eropah Barat  
**Bom** Kapal terbang Jerman mengebom sasaran musuh, diikuti dengan serangan kereta kebal dan tentera bermotosikal.

**(ii) Operasi Barbarossa**

<b>Serangan</b>	Serangan besar-besaran untuk menawan Rusia.
<b>Serang</b>	Hitler mengarahkan lebih tiga juta tentera menyerang Rusia dengan dibantu oleh 3350 kereta kebal dan 2270 kapal terbang.
<b>Tentera</b>	Operasi disertai oleh tentera Finland, Hungary dan Romania.

11 **Jelaskan sebab-sebab meletusnya Perang Dunia Kedua di Eropah.**

**(i) Jerman takluk Eropah Barat**

- Serangan kilat** Selepas peperangan diisytiharkan, Jerman memulakan serangan *Blitzkrieg* (serangan kilat) bagi menakluki negara di Eropah Barat.  
**Tawan** Jerman berjaya menawan Poland, Denmark, Norway, Belanda, Belgium, Luxembourg dan Perancis.  
**Kuasai** Jerman menguasai hampir keseluruhan negara di Eropah Barat menjelang pertengahan tahun 1941.

**(ii) Pengeboman Britain**

- Udara** Jerman melancarkan serangan udara dan laut terhadap Britain pada bulan September 1940 sehingga bulan Jun 1941.  
**Musnah** Jerman menyerang dan memusnahkan pelabuhan, kawasan perindustrian dan pertahanan udara Britain.  
**Jejas** Serangan tersebut telah menjejaskan ekonomi Britain.

**(iii) Penyertaan Itali dalam perang di Eropah**

<b>Isytihar</b>	Itali, sekutu Jerman mengisytiharkan perang terhadap Britain dan Perancis pada bulan Jun 1940.
<b>Selatan</b>	Tentera Itali menyerang Perancis melalui arah selatan.
<b>Utara</b>	Manakala tentera Jerman menyerang Perancis dari arah utara.

**(iv) Serangan Jerman ke atas Rusia**

- Operasi** Setelah menguasai Eropah Barat, Jerman telah melancarkan Operasi Barbarossa, iaitu serangan besar-besaran.  
**Tawan** Tujuan menawan Rusia.  
**Kuasai** Hitler ingin menguasai Rusia, iaitu empayar terbesar di Eropah untuk mencapai cita-citanya menguasai seluruh Eropah.  
**Sasar** Operasi ini menyasarkan bandar utama di Rusia, iaitu Leningrad, Moscow dan Stalingrad.

**12 Wajarkah Malaysia terlibat dalam perlumbaan teknologi senjata?**
**Berikan hujah anda.**
**(i) Wajar**

<b>Ancaman</b>	Mengelakkan negara dari diancam kuasa luar
<b>Kedaulatan</b>	Menjamin kedaulatan negara
<b>Pertahanan</b>	Mengukuhkan pertahanan negara
<b>Imej</b>	Meningkatkan imej negara di mata dunia
<b>Kemajuan</b>	Membawa kepada kemajuan teknologi dunia

**(ii) Tidak wajar**

<b>Bahaya</b>	Masa depan negara dalam bahaya
<b>Lumba</b>	Berlaku perlumbaan senjata antara negara / perlumbaan industri persenjataan
<b>Musuh</b>	Negara akan bermusuh dengan negara luar
<b>Jejas</b>	Hubungan diplomatik / perpaduan antara negara terjejas
<b>Perang</b>	Dunia diancam bahaya peperangan
<b>Terancam</b>	Menyebabkan kehidupan masyarakat terancam

**13 Perang Dunia Kedua di Eropah berakhir apabila Jerman menyerah kalah pada bulan Januari 1943. Mengapakah Jerman gagal dalam operasinya menawan Rusia?**

<b>Lancar</b>	Serangan terhadap Rusia berjalan lancar pada peringkat awal.
<b>Hilang</b>	Jerman kehilangan banyak nyawa tenteranya apabila perang melewati dua musim sejuk di Rusia.
<b>Panjang</b>	Tempoh perang yang panjang ini menyebabkan tentera Jerman kehabisan peluru, minyak dan makanan.
<b>Lemah</b>	Akhirnya melemahkan semangat tenteranya.
<b>Ingkar</b>	Jeneral Jerman, Friedrich Von Paulus mengingkari perintah Hitler untuk meneruskan peperangan dan menyerah kalah kepada tentera Rusia di Stalingrad pada bulan Januari 1943.

**14 Terangkan peranan pihak Bersekutu dalam usaha menamatkan perang tersebut.**
**(i) Kerjasama Kuasa Besar**

<b>Presiden</b>	Presiden Amerika Syarikat, Franklin Roosevelt dan Perdana Menteri Britain, Winston Churchill sering bertemu untuk membuat keputusan politik dan ketenteraan.
<b>Kerjasama</b>	Kemudian, kerjasama ini melibatkan Presiden Rusia, Joseph Stalin.
<b>Ketua</b>	Di medan peperangan, tentera Bersekutu daripada ketiga-tiga perkhidmatan, iaitu tentera darat, udara dan laut beroperasi di bawah Komander Tertinggi Bersekutu yang diketuai oleh Amerika Syarikat.

**(ii) Keberkesanan Strategi Serangan**

<b>Silap</b>	Kesilapan Kuasa Paksi membuat keputusan politik dan ketenteraan.
<b>Gagal</b>	Dalam operasi menawan Rusia membawa kegagalan.
<b>Unggul</b>	Sementara itu, Kuasa Bersekutu pimpinan Amerika Syarikat memperlihatkan keunggulan dalam perancangan ketenteraan.
<b>Normandy</b>	Terutama kejayaan operasi pendaratan tentera Bersekutu di Normandy, Perancis.

**15 Kerjasama dan muafakat antara negara di dunia sangat penting dalam menghadapi cabaran.**
**Beri komen anda.**

<b>Bersatu</b>	Bersatu menjaga kepentingan bersama
<b>Toleransi</b>	Saling mengekalkan persefahaman – saling bertoleransi
<b>Sebulat suara</b>	Bertindak dengan sebulat suara – sering mengadakan mesyuarat – kukuhkan perpaduan antara negara
<b>Hormat</b>	Menghormati kedaulatan negara lain
<b>Pertahanan</b>	Mengadakan kerjasama pertahanan – saling membantu apabila diserang musuh
<b>Ekonomi</b>	Mengadakan kerjasama ekonomi
<b>Teknologi</b>	Melakukan pertukaran teknologi – pertukaran kepakaran
<b>Politik</b>	Mengadakan kerjasama politik

**16 Kemenangan pihak Bersekutu dalam Perang Dunia Kedua di Eropah dapat dikaitkan dengan ketokohan Franklin Roosevelt (Presiden Amerika Syarikat), Winston Churchill (Perdana Menteri Britain) dan Joseph Stalin (Presiden Rusia).**

**Apakah yang dilakukan oleh tokoh-tokoh tersebut?**

- Kerjasama** Mereka sering bertemu dan bekerjasama untuk membuat keputusan politik dan ketenteraan.
- Ketua** Contoh: di medan peperangan, tentera Bersekutu daripada ketiga-tiga perkhidmatan, iaitu tentera darat, udara dan laut beroperasi di bawah Komander Tertinggi Bersekutu yang diketuai oleh Amerika Syarikat.
- Unggul** Kuasa Bersekutu pimpinan Amerika Syarikat memperlihatkan keunggulan dalam perancangan ketenteraan.
- Contoh** Contoh: kejayaan operasi pendaratan tentera Bersekutu di Normandy, Perancis – Operasi ‘D-Day’.

**17 Jelaskan kejayaan operasi ‘D-Day’ tentera Bersekutu dalam Perang Dunia Kedua di Eropah.**

- Normandy** Melalui operasi yang diberikan nama kod "D-Day", tentera Bersekutu berjaya mendarat di Normandy, Perancis, pada Jun 1944.
- Perdaya** Tentera Bersekutu berjaya memperdayakan tentera Jerman dengan menyebarkan maklumat yang meyakinkan tentera Jerman bahawa pendaratan tentera Bersekutu akan berlaku di Calais, bukannya di Normandy.
- Semangat Bebas** Kejayaan tersebut meningkatkan semangat tentera Bersekutu. Menjadi titik tolak kepada kejayaan membebaskan Perancis dan negara Eropah Barat daripada penaklukan Jerman.
- Barat Timur Mati Kalah** Kejayaan operasi "D-Day" membolehkan tentera Bersekutu memasuki Jerman dari arah barat. Pada masa yang sama, tentera Rusia menyerang Jerman dari bahagian timur. Kematian Hitler pada bulan April 1945 telah mengubah landskap perang di Eropah. Jerman kemudiannya menandatangani perjanjian menyerah kalah, sekali gus menamatkan perang yang berlangsung selama enam tahun di Eropah.

**18 Pada pendapat anda, apakah yang perlu dilakukan oleh pemimpin negara dalam menghadapi tentangan dan ancaman luar?**

**Kemukakan hujah anda.**

- Pertahanan** Membentuk pertahanan negara yang kuat – menyusun semula pasukan pertahanan – melakukan tinjauan udara – mengawasi sempadan negara
- Satu** Menyatukan rakyat menghadapi ancaman – kukuhkan jati diri – memperkasa semangat cinta akan negara
- Hubungan Bantuan** Menjalinkan hubungan baik dengan negara luar Mendapatkan bantuan tentera PBB – membuat bantahan kepada PBB

### 3.4 Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik (1941 – 1945)

**1 Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik (1941-1945) berpunca daripada kemunculan Jepun sebagai kuasa tentera di Asia.**

**Jelaskan latar belakang peluasan kuasa Jepun di Asia Pasifik.**

- Meiji** Pembaharuan Meiji telah membawa pemodenan sehingga Jepun muncul sebagai negara industri.
- Tentera** Memiliki kuasa ketenteraan yang setaraf dengan kuasa Barat.
- Dasar** Jepun melaksanakan dasar peluasan kuasa.
- Perlu** Memenuhi keperluan ekonomi dan ketenteraan serta perkembangan politik dalam negara,

**2 Faktor-faktor berlaku peluasan kuasa Jepun adalah seperti dasar peluasan kuasa Jepun, sekatan ekonomi terhadap Jepun dan rancangan penaklukan wilayah di Selatan.**

**Mengapakah Jepun melaksanakan dasar peluasan kuasa?**

**(i) Keperluan Perindustrian**

<b>Industri</b>	Pada akhir abad ke-19, Jepun sebagai sebuah kuasa industri berusaha mengurangkan pergantungan kepada negara Barat untuk mendapatkan bahan mentah.
<b>Bekal</b>	Jepun memerlukan wilayah yang dapat membekalkan bahan mentah.
<b>Pasaran</b>	Menjadi kawasan pasaran bagi mengembangkan lagi perindustrian.

**(ii) Pengaruh Golongan Tentera**

- Moden** Pada abad ke-20, Jepun mempunyai angkatan tentera paling moden di Asia.
- Agresif** Jepun semakin agresif apabila golongan tentera menguasai politik pada tahun 1932.
- Takluk** Golongan tentera berpendapat bahawa masalah ekonomi Jepun boleh diselesaikan menerusi penaklukan kawasan yang kaya dengan bahan mentah dan boleh menjadi kawasan pasaran.
- Perang** Pada Oktober 1941, Jeneral Hideki Tojo menjadi Perdana Menteri Jepun dan mengheret Jepun ke kancang peperangan.

**(iii) Orde Baharu Asia**

- Kuasa** Di bawah pengaruh tentera, dasar luar Jepun terarah kepada matlamat mengembangkan kuasa, mewujudkan kebebasan ekonomi dan menentang imperialisme Barat.
- Blok** Jepun mewujudkan orde baharu di Asia Timur yang merangkumi Jepun, Korea, China dan Manchuria ke dalam satu blok ekonomi.
- Asia** Orde tersebut kemudiannya dikembangkan ke seluruh Asia.

**3 Bagaimanakah untuk mengekalkan kemajuan ekonomi negara?**

**Berikan alasan anda.**

- Pelabur** Menarik lebih ramai pelabur untuk melabur
- Produk** Mengeluarkan produk berkualiti – mengutamakan barangan buatan Malaysia
- Keluaran** Meningkatkan hasil pengeluaran negara – teroka pelbagai bidang ekonomi – tingkatkan daya saing negara
- Kemahiran** Meningkatkan kemahiran dan kepakaran – menguasai teknologi – tingkatkan taraf pendidikan rakyat
- Usahasama** Menjalinkan usahasama dengan negara luar
- Industri** Meningkatkan sektor perindustrian negara
- Perpaduan** Mengekalkan perpaduan dan keharmonian – negara aman – politik stabil - menarik pelancong luar

**4 Dasar peluasan kuasa Jepun di rantau Asia Pasifik berkait rapat dengan keperluan untuk perindustrian, adanya pengaruh golongan tentera dan order baharu Asia.**

**Apakah kepentingan keperluan tersebut kepada Jepun?**

- Bahan mentah** Memerlukan bahan mentah untuk keperluan industri – kuasai wilayah yang dapat bekalkan bahan mentah dan jadi kawasan pasaran – tujuan mengembangkan lagi perindustrian.
- Kuasa tentera** Mempunyai angkatan tentera paling moden di Asia - semakin agresif apabila golongan tentera kuasai politik pada tahun 1932 – percaya masalah ekonomi Jepun boleh diselesaikan menerusi penaklukan kawasan yang kaya dengan bahan mentah dan boleh menjadi kawasan pasaran.
- Pengaruh tentera** Di bawah pengaruh tentera, dasar luar Jepun terarah kepada matlamat mengembangkan kuasa, mewujudkan kebebasan ekonomi dan menentang imperialisme Barat - wujudkan orde baharu di Asia Timur – contoh Jepun, Korea, China dan Manchuria ke dalam satu blok ekonomi - dikembangkan ke seluruh Asia.

**5 Mengapakah pihak Bersekutu mengenakan sekatan ekonomi terhadap Jepun?**

- Halang** Menghalang Jepun daripada memperoleh bahan mentah yang diperlukan untuk industri dan operasi perang.
- Kesan** Kesan daripada Jepun kuasai Korea, Manchuria dan China - kawasan strategik di Laut China Selatan termasuk Pulau Hainan dan Indochina.
- Reaksi** Mendapat reaksi daripada pihak Bersekutu - Amerika Syarikat, British dan Belanda.

**6 Apakah yang dilakukan Jepun sebagai jalan keluar dari sekatan ekonomi tersebut?**

<b>Kuasai</b>	Merancang untuk kuasai wilayah di selatan – contoh: Asia Tenggara - sebab kaya dengan bahan mentah seperti bijih timah, getah, bauksit dan petroleum.
<b>Jerman</b>	Dari aspek ketenteraan, pakatan dalam Kuasa Paksi membolehkan kerajaan Jerman menghantar pakarnya ke Jepun.
<b>Kaji</b>	Tujuan kaji serangan terhadap wilayah selatan dan bantu perkembangan industri pembuatan kapal terbang Jepun.

- 7 **Cadangkan langkah-langkah yang perlu diambil bagi meningkatkan pembangunan ekonomi negara. Kemukakan alasan anda.**
- Teknologi** Menggunakan teknologi moden – meningkatkan hasil pengeluaran  
**Ekonomi bebas** Mengamalkan ekonomi bebas – memperluas hubungan dagangan  
**Pasaran luas** Meluaskan pasaran – meneroka pasaran baharu  
**Kualiti** Mengeluarkan produk berkualiti – mempelbagaikan hasil pengeluaran – industri desa  
**R&D** Mengutamakan R&D – tingkatan penyelidikan - meningkatkan kepakaran
- 8 **Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik (1941-1945) atau Perang Pasifik berlaku di Lautan Pasifik, Tanah Besar Asia dan Kepulauan Asia Tenggara.**  
**Apakah kesan yang membawa kepada serangan Jepun terhadap Asia Pasifik pada 1941?**
- Buntu** Rundingan di Amerika Syarikat untuk menamatkan sekatan ekonomi terhadap Jepun menemui jalan buntu.  
**Semarak** Hal ini menyemarakkan hasrat Jepun membentuk pemerintahan baharu di Asia Pasifik.  
**Serangan** Jepun mengarahkan serangan serentak terhadap Asia Pasifik pada Disember 1941.
- 9 **Bagaimanakah bermulanya Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik?**
- Serang** Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik bermula apabila Jepun menyerang Tanah Melayu dan Pearl Harbour, Hawaii, iaitu pangkalan tentera laut Amerika Syarikat di Pasifik.  
**Lumpuh** Tujuan melumpuhkan armada laut Amerika Syarikat di Pasifik yang boleh menjadi penghalang kepada peluasan kuasa Jepun di Asia pasifik.  
**Wilayah** Seterusnya, serangan dilakukan ke atas wilayah jajahan Amerika Syarikat, Britain dan Belanda yang lain seperti Filipina, Hong Kong, Pulau Guant dan pulau Wake.  
**Libat** Serangan tersebut membawa penglibatan Amerika Syarikat dalam perang di Asia Pasifik apabila mengisytiharkan perang terhadap Jepun.  
**Empayar** Dengan strategi yang berkesan dan penguasaan serangan melalui laut, darat dan udara, Jepun berjaya membentuk empayar yang luas di Asia Pasifik menjelang April 1942.
- 10 **Pada pendapat anda, apakah kesan yang mungkin berlaku daripada Perang Dunia Kedua di Eropah dan di Asia Pasifik?**  
**Kemukakan hujah anda.**
- Korban** Mengorbankan hampir 75 juta nyawa manusia  
**Musnah** Membawa kemusnahan harta benda  
**Takut** Peperangan membawa kesengsaraan dan ketakutan hidup rakyat  
**Lapar** Peperangan menyebabkan kelaparan dan kebuluran  
**Miskin** Peperangan menyebabkan kemiskinan hidup rakyat dan berlaku kezaliman

### 3.5 Faktor Kedatangan Jepun ke Negara Kita

- 1 **Serangan tentera Jepun bermula di Tanah Melayu pada 8 Disember 1941 , manakala serangan terhadap Sarawak dan Sabah bermula pada 16 Disember 1941.**  
**Apakah propaganda yang digunakan oleh Jepun dalam usaha menjayakan misi ekonominya?**  
 Semangat Asia  
 Asia Untuk Orang Asia  
 Lingkungan Sekemakmuran Asia Timur Raya
- 2 **Jelaskan faktor-faktor kedatangan Jepun ke negara kita.**
- (i) **Eksplotasi sumber bahan mentah**
- Bahan mentah** Mengeksploitasi kekayaan bahan mentah untuk keperluan perindustrian.  
**Meiji** Kesan Pembaharuan Meiji dan operasi ketenteraan Jepun.  
**Bijih timah** Tanah Melayu merupakan pengeluar utama bijih timah dan getah di dunia, selain menghasilkan emas, bijih besi, arang batu dan bauksit.  
**Minyak** Sasaran utama Jepun di Sarawak untuk mendapatkan sumber minyak, terutama di Miri dan Lutong.  
**Ekonomi** Pendudukan Jepun terhadap negara kita merupakan sebahagian daripada rancangan menjayakan pembentukan kawasan Lingkungan Sekemakmuran Asia Timur Raya untuk mengukuhkan ekonomi Jepun.

**(ii) Kepentingan strategik ketenteraan**

<b>Strategik</b>	Kedudukan strategik negara kita sesuai untuk ketenteraan Jepun.
<b>Pangkalan</b>	Di hujung Semenanjung Tanah Melayu terletak pangkalan tentera laut British, iaitu Singapura.
<b>Laluan</b>	Penguasaan terhadap pangkalan tentera laut tersebut penting untuk membuka laluan penguasaan Jepun terhadap telaga minyak di Sumatera.
<b>Borneo</b>	Penguasaan terhadap Pulau Borneo pula penting untuk menjayakan operasi penaklukan tentera Jepun di Pulau Jawa.

**5 Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah untuk melahirkan generasi yang tahu menghargai nikmat kemajuan dan kemakmuran negara kita.**

**Beri hujah anda.**

<b>Bangga</b>	Berbangga akan negara – memperkukuh jati diri
<b>Cinta</b>	Sentiasa cinta akan keamanan – kekalkan keamanan – kukuhkan perpaduan
<b>Terima</b>	Sedia menerima perubahan – mementingkan ilmu dan kepakaran
<b>Hormat</b>	Menghormati raja dan pemimpin negara – sokong usaha kerajaan memajukan negara
<b>Rukun Negara</b>	Mengamalkan prinsip Rukun Negara dalam kehidupan

**6 Serangan tentera Jepun bermula di Tanah Melayu pada 8 Disember 1941, manakala serangan terhadap Sarawak dan Sabah bermula pada 16 Disember 1941.**

**Apakah strategi yang digunakan tentera Jepun untuk menguasai Tanah Melayu?**

<b>Serangan kilat</b>	Strategi serangan kilat – iaitu gerakan menyerang dengan kombinasi angkatan tentera darat, udara dan laut untuk menawan Tanah Melayu
-----------------------	--

**7 Bagaimanakah keseluruhan Tanah Melayu jatuh ke tangan tentera Jepun?**

<b>Serentak</b>	Serangan Jepun di Tanah Melayu bermula dengan pendaratan serentak tentera Jepun di Pantai Kuala Pak Amat, Pantai Sabak, Kota Bharu dan Thailand (Singgoara dan Patani) pada 8 Disember 1941.
<b>Jatuh</b>	Keseluruhan Tanah Melayu jatuh ke tangan tentera Jepun apabila Singapura berjaya ditawan pada 15 Februari 1942.

**8 Bagaimanakah serangan tentera Jepun ke atas Sarawak dan Sabah berlaku?**

<b>Miri</b>	Serangan tentera Jepun ke atas Sarawak dan Sabah bermula dengan pendaratan di Miri.
<b>Kuching</b>	Sepasukan tentera Jepun mara menduduki Kuching dan Sibu.
<b>Labuan</b>	Sepasukan lagi tentera Jepun mara ke Sabah melalui Labuan dan menduduki bandar utama di Sabah.
<b>Sandakan</b>	Pendudukan Jepun di Sandakan melengkapkan kempen serangan tentera Jepun di Sabah.

**9 Apakah sikap yang perlu diamalkan oleh rakyat Malaysia bagi menjamin hasil kekayaan negara tidak dikuasai oleh orang asing?**

**Kemukakan hujah anda.**

<b>Kuasai</b>	Menguasai teknologi terkini – memiliki kemahiran dan ilmu pengetahuan
<b>Rancang</b>	Mempunyai perancangan ekonomi yang jelas – berani meneroka bidang baharu
<b>Proaktif</b>	Bertindak proaktif – bijak merebut peluang
<b>Maju</b>	Sentiasa memajukan diri dalam pelbagai bidang – bersikap terbuka